

03 APR 2000

Mahathir-F1

LITAR F1 SEPANG SATU KEPENTINGAN NASIONAL, KATA MAHATHIR

SEPANG, 2 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Litar F1 Sepang yang dibina pada harga RM286 juta di sini, telah membawa pulangan yang jauh lebih besar nilainya kepada Malaysia dan terbukti sebagai satu kepentingan nasional.

Beliau berkata, melalui perlumbaan antarabangsa yang diadakan di litar itu, Malaysia dapat dipromosikan ke seluruh dunia tanpa belanja yang terlalu mahal dan ia berjaya menarik lebih banyak peminat perlumbaan sedemikian dan pelancong asing untuk datang ke negara ini.

Dr Mahathir berkata ini dapat dilihat daripada jumlah tempahan tiket untuk perlumbaan kereta Formula One (F1) yang akan diadakan di litar berkenaan hujung tahun ini yang kini sudahpun mencecah RM15 juta.

Mengulas andaian pembangkang bahawa projek itu ialah satu pembaziran, Dr Mahathir berkata: "Bagi pembangkang semuanya adalah membazir. Yang tak membazir ialah bila dia masuk dalam masjid yang kita buat, kita bina masjid, dia masuk untuk maki kita."

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Grand Prix Motosikal Dunia Malaysia 2000 di litar berkenaan.

Dr Mahathir berkata, menerusi liputan perlumbaan yang dibuat, pelbagai iklan berkenaan Malaysia disiarkan berkali-kali dan berjam-jam lamanya kepada lebih 600 juta orang di seluruh dunia.

"Jadi kalau kita nak kira, kalau kita nak dapat pendedahan sebanyak itu, kita kena belanja barangkali RM2 billion," katanya.

Dr Mahathir turut memberikan contoh bagaimana kerajaan terpaksa membelanjakan RM1 juta seminit jika ingin menyiarkan bahan promosi mengenai Malaysia di televisyen Jepun.

"Kalau kita tengok daripada segi kepentingan nasional, nilai litar ini berpuluh kali ganda perbelanjaan kita," katanya.

Menyentuh kerjasama Malaysia dengan beberapa organisasi asing seperti Mitsubishi, Lotus dan bekas pelumba motosikal terkemuka dunia Kenny Roberts, Dr Mahathir berkata ia bagi membolehkan negara memiliki dan menguasai kecekapan untuk merekabentuk dan mengeluarkan enjin.

Katanya, penglibatan pengeluar kereta nasional Proton dalam aktiviti perlumbaan termasuk lumba motosikal ialah kerana Malaysia ingin belajar tentang bidang kejuruteraan yang ia langsung tidak berkebolehan dahulu.

"Dengan adanya Proton, sekarang ini kita dapat menguasai teknik rekabentuk dan pengeluaran enjin. Ini adalah satu kecekapan yang cukup canggih dan kita sedang bekerjasama dengan mereka yang mempunyai pengetahuan dalam bidang ini," katanya.

Proton, dalam satu perkongsian strategik dengan Kenny Roberts, kini menjadi penaja pasukan lumba motosikal Proton KR yang beraksi pada kejohanan Grand Prix Motosikal Malaysia tahun ini.

Dr Mahathir berkata banyak lagi pihak berminat untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam bidang kejuruteraan.

"Mereka menganggap Malaysia adalah satu tempat luarbiasa kerana di sini mereka boleh bekerjasama dengan orang Malaysia dalam bidang kejuruteraan dan di sini juga kosnya tak begitu tinggi.

"Jadi, kita kena mencari sebesar-besar manfaat daripada kerjasama sedemikian," katanya.

-- BERNAMA

MAM PR